

Kepimpinan MPP seiring wawasan universiti

KUALA LUMPUR 9 Sept.
- Kepimpinan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) yang sentiasa memperjuangkan isu-isu ke arah mengembangkan potensi mahasiswa seiring de-



ngan visi universiti dan negara menjadi pilihan warga kampus.

Sehubungan itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Dr. Mohd. Fauzi Ramlan (**gambar**) berkata, kepimpinan MPP yang menyokong dasar universiti digalakkan bukan sahaja membicarakan mengenai hal kebajikan sebaliknya turut mengetengahkan isu-isu yang bersifat global.

“Pemilihan mereka dalam badan kepimpinan MPP berperanan menjalankan tanggungjawab membantu pembangunan universiti.

“Bukan itu sahaja, mereka juga perlu sentiasa menyumbang idea-idea bernas untuk kebaikan warga kampus sekali gus membantu kepimpinan negara,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas mengenai pilihan raya kampus bagi memilih kepimpinan baru MPP bagi sesi 2012-2013 yang akan diadakan pada 20 hingga 25 September ini.

Pemilihan itu melibatkan 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara memabitkan pertandingan antara kumpulan proaspirasi dan promahasiswa.